

Rujukan Kami : SWCorpJ.100-12/1/3 Jld 10 (11)
Tarikh : 25 Julai 2025

PUAN NORHANIZA BINTI HASHAM@HISAM

Guru Besar
SK Simpang Rengam
J26, Jalan Renggam
86200 Simpang Renggam,
Johor Darul Takzim.

Puan,

**KERJASAMA PENGLIBATAN DALAM PERTANDINGAN REKA CIPTA
#GUNAKANSAYA SEMPENA PROGRAM JELAJAH BANDAR BERSIH JOHOR
2030**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) akan menganjurkan Program Jelajah Bandar Bersih Johor 2030. Tujuan penganjuran program ini adalah bagi mencapai matlamat utama untuk meningkatkan kesedaran dan penglibatan masyarakat dalam usaha menjaga kebersihan, meminimumkan janaan sisa pepejal dan mempromosikan amalan 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*).
3. Sebagai makluman puan, pelaksanaan program ini merupakan platform yang penting dalam usaha untuk memperkenalkan dan menyebarkan Strategi Bandar Bersih Johor 2025-2030 yang telah dibangunkan bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Johor termasuk Majlis Daerah Simpang Renggam. Antara strategi yang digariskan adalah pengisytiharan Kerjasama Pintar dan pemakluman sembilan (9) strategi utama yang disusun untuk menyokong Kempen Johor Bersih yang merupakan elemen di bawah Teras Kelima Agenda Maju Johor iaitu Keselamatan, Kebersihan dan Alam Sekitar.
4. Sehubungan itu, SWCorp Negeri Johor amat berbesar hati ingin mengundang dan mengalu-alukan penglibatan pelajar daripada pihak puan untuk menyertai Pertandingan Reka Cipta #GunakanSaya yang akan diadakan sepertimana ketetapan di bawah :

Program : Jelajah Bandar Bersih Johor 2030 @ Simpang Renggam
Tarikh : 30 Julai 2025 (Rabu)
Masa : 8:00 pagi – 1:00 tengah hari
Tempat : Dewan Orang Ramai, Taman Sri Lambak
Simpang Renggam, Johor
Dirasmikan oleh : YBhg. Encik Fa'iz bin Salehon
Yang DiPertuan Majlis Daerah Simpang Renggam
Penyertaan : Terhad kepada 10 penyertaan terawal sahaja

5. Bersama-sama ini disertakan atur cara program untuk makluman dan perhatian puan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak puan boleh menghubungi **Tuan Amizan bin Muhammad di talian 07-562 1812/012-4221415.**


6. Segala kerjasama dan sokongan pihak puan dalam menjayakan program ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(RAFIDAH BINTI MOHAMED)

Timbalan Pengarah

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal

Dan Pembersihan Awam (SWCorp) Negeri Johor



ATUR CARA

PROGRAM JELAJAH BANDAR BERSIH JOHOR 2030

Tarikh : 30 Julai 2025 (Rabu)
Masa : 8:00 pagi –1:00 tengah hari
Lokasi : Dewan Orang Ramai, Taman Sri Lambak,
Simpang Renggam, Johor.
Pakaian : Korporat

MASA	PERKARA
8:00 pagi	: Ketibaan Jemputan/Pendaftaran
8:30 pagi	: Pertandingan Mewarna: #SayaMulakan: Bandar Bersih Johor 2030
8:45 pagi	: Program <i>Walkabout</i> Bersama Penduduk dan Gotong Royong Berkumpul di PAWE Zon Semangat (Gerak Mesra)
9:00 pagi	: Pameran/ 3R <i>Free Market</i> / PET2Reward/ Pemeriksaan Kesihatan : Penjurian Pertandingan Reka Cipta: #GunakanSaya : Penjurian Pertandingan Kraftangan Daripada Barangan Terpakai: #IndahkanDiriSaya : Penjurian Pertandingan Hiasan Hidangan Masakan: #HargaiMakanan : Persembahan Bercerita - Sekolah Kebangsaan Simpang Renggam : <i>Pocket Talk</i> Aspirasi Bandar Bersih Johor 2030: • Taklimat Denggi • Merealisasi Bandar Bersih Johor 2030 : Penyampaian Hadiah bagi Pertandingan • Pertandingan Kraftangan Barangan Terpakai • Pertandingan Hiasan Hidangan Masakan • Pertandingan Barang Kitar SemulaTerberat • Pertandingan Minyak Masak Terberat

MASA	PERKARA
10:30 pagi	: Ketibaan YBhg. Tuan Mohd Fa'iz bin Salehon Yang DiPertua Majlis Daerah Simpang Renggam : Nyanyian Lagu Bangsa Johor : Nyanyian Lagu Negaraku : Bacaan Doa : Ucapan Aluan Oleh YBrs. Puan Rafidah binti Mohamed Timbalan Pengarah SWCorp Negeri Johor : Ucapan Perasmian Oleh YBhg. Tuan Mohd Fa'iz bin Salehon Yang DiPertua Majlis Daerah Simpang Renggam : Gimik Perasmian Jelajah Bandar Bersih Johor 2030 : Penyerahan Dokumen Strategi Bandar Bersih Johor 2025-2030 : Kerjasama Pintar Strategi Bandar Bersih Johor : Penyampaian Hadiah Pertandingan Mewarna : Penyampaian Hadiah Pertandingan Reka Cipta : Sumbangan Bakul Makanan : Cabutan Bertuah : Lawatan Pameran
1:00 tengah hari	: Jamuan Makan Bersurai